

FRESHCARE® ROLL-ON MEDICATED OIL (GREEN TEA)

Menthol (16% w/w) , Camphor (5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)
2. Bagaimana FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea) berfungsi
3. Sebelum menggunakan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)
4. Cara menggunakan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)
5. Semasa menggunakan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)
6. Kesan – kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)

Untuk melegakan sakit otot & sendi, gejala sejuk, sakit kepala dan kegatalan.

Bagaimana FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea) berfungsi

Ia mengandungi mentol dan camphor. Camphor adalah perangsang, rubefasian, antipruritis dan antiseptik yang lemah. Apabila diguna sekali dengan bahan lain seperti menthol, ia boleh melegakan neuralgia dan kawasan lain yang sakit. Menthol memuai salur darah dan bagi sensasi kesejukan, diikuti dengan kesan analgesic. Ia boleh meningkatkan penembusan ubat-ubatan apabila diaplikasi pada kulit dan memberi permulaan tindakan yang lebih cepat.

Sebelum menggunakan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)

• Bila tidak boleh menggunakan
Jangan guna sekiranya anda alah terhadap sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Ubat ini tidak sesuai untuk bayi di bawah umur 2 tahun dan perhatian perlu diberikan kepada kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas apabila menggunakannya. Sapu ubat yang mengandungi camphor pada hidung kanak-kanak adalah berbahaya kerana boleh menyebabkan pengsan.

Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

• Sebelum menggunakan
Sila rujuk kepada ahli farmasi anda.

• Jika mengambil ubat-ubat lain
Maklumkan kepada ahli farmasi tentang ubat lain yang sedang ambil.

Cara menggunakan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)

• Berapa banyak yang harus digunakan

Disapu pada bahagian berkenaan secukupnya seperti yang diperlukan. Ikut arahan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada ahli farmasi.

• Bila perlu digunakan

Ikuti arahan ahli farmasi anda.

• Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda.

• Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

• Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doctor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat.

Ini perlu dilakukan walaupun tidak sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesai. Anda mungkin memerlukan perubahan segera.

Semasa menggunakan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)

• Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda sering ambil. Pada mulanya sapu kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terhad dan memerhati sama ada ketidakelesaan atau gatal berlaku sebelum sapu pada kawasan kulit yang lebih besar. Jika iritasi kulit berlaku, sila berhenti menggunakannya.

• Perkara yang tidak boleh dilakukan

Tidak boleh sapu pada bahagian mata, permukaan mukus, luka terbuka atau kulit yang rosak. Elakkan penggunaan yang berlebihan secara meluas pada bahagian badan dan membalut. Jangan mengambil sembarang ubat baru tanpa berbincang dengan doctor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea) dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

• Perkara yang perlu diberi perhatian
Rawatan perlu diberhentikan jika iritasi dan alahan serius berlaku.

Kesan-kesan sampingan

Iritasi kulit, kemerahan, bengkak, rasa pedih berlaku. Reaksi buruk jarang berlaku, simptom pening, loya boleh berlaku. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan FreshCare® Roll-On Medicated Oil (Green Tea)

• Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

• Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

• Rupa dan warna produk

Minyak jernih, berwarna kuning pucat dengan bau spesifik teh hijau pudina

• Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: Mentol, Camphor.
Bahan eksipien: Olive Oil, Tea Seed Oil, Fragrance 004-GTA-C, White Oil.

• Nombor MAL

MAL21066030X

Pengilang

PT. Ultra Sakti
Jl. Narogong Km. 12,5 RT 005/ RW 006 Kel. Cikiwul, Kec. Bantar Gebang, Kota Bekasi, Jawa Barat - INDONESIA

Pemegang Pendaftaran Produk

KARA MARKETING (M) SDN BHD (199901013983) No.19, Jalan TPP 1/1A, Taman Industri Puchong, Batu 12, Jalan Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP:

13/09/2024

Nombor Siri:

NPRA (R2) 21/006

PM020679/00
03/23
S0370